



## Pesta Tanglung 2009 Disertai Pelajar Pelbagai Kaum



*Timbalan Naib Canselor UPM (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew mengetuk gendang bagi merasmikan Pesta Tanglung Kolej Kedua 2009.*

**SERDANG, 13 Oktober** – 300 Pelajar pelbagai kaum Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyertai sambutan Pesta Tanglung 2009 anjuran Sekretariat Integrasi, Pengantarabangsaan dan Alumni dengan kerjasama Majlis Tertinggi Mahasiswa, pengurusan Kolej Kedua dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Majlis yang berlangsung di Kolej Kedua dirasmikan dengan pukulan gong oleh Timbalan Naib Canselor UPM (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew.



Sambutan itu bertujuan menggalakkan warga Kolej Kedua mengenali budaya kaum lain di Malaysia serta memperkenalkan Pesta Tanglung sebagai satu kebudayaan unik kepada seluruh warga Kolej Kedua.

Sebanyak 500 Tanglung telah diagihkan kepada para jemputan dan pelajar bagi memeriahkan suasana perayaan tersebut.

Majlis dimeriahkan lagi dengan paluan gendang dari persembahan kumpulan 24 Seasons Drums oleh pelajar Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS), persembahan sketsa The Origin of Mooncake dan tarian pelbagai budaya daripada pelajar Kolej Kedua .

Turut hadir, Pengetua Kolej Kedua, Rosna Abdul Raman, Presiden Kolej Kedua, Azrul Abd. Manan dan staf-staf Kolej Kedua UPM.



**Berita disediakan Seskyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia